

Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

JENIS BANTUAN: Bantuan Khusus

PENGENALAN :

Penubuhan KWAPM adalah selaras dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang mula berkuat kuasa pada Januari 2003. Sumber peruntukan adalah melalui peruntukan tahunan yang diterima daripada MOF dan sumbangan wang awam. Bantuan KWAPM terdiri daripada dua jenis iaitu Bantuan Am Persekolahan (BAmP) dan Bantuan Kecemasan (BK).

Tabung KWAPM telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 berdasarkan Surat Ikatan Amanah yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan pada 10 April 2003. Ia bertujuan memberi bantuan kepada pelajar miskin supaya tidak tercicir dalam meneruskan persekolahan selaras dengan pelaksanaan Dasar Pendidikan Wajib yang berkuatkuasa pada Januari 2003(pindaan 2025). Selaras dengan perubahan dasar pengurusan tabung KWAPM, Surat Ikatan Amanah telah dipinda dan diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia pada 31 Mac 2023.

KADAR :

Kadar Bantuan KWAPM adalah seperti berikut:

JENIS BANTUAN	KADAR BANTUAN (RM)		MURID PENERIMA
	SEKOLAH RENDAH	SEKOLAH MENENGAH	
Bantuan Am Persekolahan (BAmP)	100	150	Tahun 1 hingga Tingkatan 5
Bantuan Kecemasan (BK)	300		

KRITERIA KELAYAKAN BANTUAN KWAPM:

- Murid warganegara Malaysia berdasarkan catatan dalam sijil kelahiran dan bersekolah di semua Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) di bawah KPM;

- Murid Tahun Satu (1) hingga Tingkatan Lima (5) bagi bagi BAmP dan BK; dan
- KIR berdaftar dengan Sistem eKasih dan disahkan berada pada PGK Nasional semasa dalam kategori miskin tegar sahaja.
- Murid yang telah menerima biasiswa/elaun/bantuan berbentuk kewangan atau apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak adalah layak dipertimbangkan untuk menerima Bantuan KWAPM jika memenuhi kriteria kelayakan.
- Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) yang bersekolah di SK dan SBK di bawah KPM juga layak menerima Bantuan KWAPM sekiranya memenuhi kriteria kelayakan.
- Bantuan Kecemasan tertakluk kepada kriteria kes kecemasan seperti berikut:
 - i. Bencana alam atau kebakaran tempat kediaman yang menjejaskan peralatan persekolahan.
 - ii. KIR meninggal dunia atau menghidapi penyakit kronik atau mengalami keilangan kekal yang menjejaskan pendapatan keluarga dan persekolahan murid.
 - iii. Murid bukan penerima Bantuan KWAPM yang KIR meninggal dunia, menghidapi penyakit kronik atau mengalami keilangan kekal yang menjejaskan pendapatan keluarga dan persekolahan murid jika memenuhi syarat asas kelayakan penerima Bantuan KWAPM.
 - iv. Murid yang tercicir daripada persekolahan kerana kemiskinan.
- Tempoh permohonan kes kecemasan adalah tiga (3) bulan daripada tarikh kes kecemasan tersebut berlaku. Sekiranya permohonan melangkaui tahun, tempoh tiga (3) bulan adalah masih terpakai.

PERMOHONAN KWAPM :

Permohonan melalui sekolah dan Sistem Pengurusan Biasiswa dan Bantuan Kewangan Bersepadu Kementerian Pendidikan (iSAFE) berdasarkan had kelayakan semasa yang dicerap daripada Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan (MOEIS) bagi mengenal pasti maklumat terkini murid yang layak.